



09 JUL, 2024

Rokok seludup bernilai RM2.4 juta dirampas

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 1

Rokok seludup bernilai RM2.4 juta dirampas

KOTA BHARU - Sebanyak 15,700 karton rokok seludup bernilai RM2.4 juta dirampas dalam serbuan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan di Jalan Raya Timur Barat di Jeli, baru-baru ini.

Pengarah JKDM Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, operasi jam 3.40 petang pada 2 Julai itu turut menahan seorang pemandu lori berusia 49 tahun.

"Hasil maklumat dan risikan, JKDM Kelantan berjaya memintas dan menahan sebuah lori 10 tan ketika dalam perjalanan ke utara.

"Pemeriksaan di ruangan kargo menemukan rokok seludup dengan nilai dianggarkan hampir RM2.4 juta berserta cukai," katanya dalam sidang media di Pejabat Penguatkuasaan JKDM Kelantan di Padang Bongor pada Isnin.

Menurutnya, rokok berkenaan dipercayai untuk diedarkan di pasaran sekitar utara dan suspek lelaki warga tempatan ditahan untuk siasatan lanjut.

Dalam pada itu, JKDM Kelantan turut merekodkan 16 kes melibatkan rampasan termasuk kira-kira 65 liter minuman keras, 1.5 kilogram (kg) mercun, 321kg beras dan barangan lain berserta cukai bernilai RM62,155 sepanjang operasi selama seminggu bermula 29 Jun hingga 5 Julai lalu di Gua Musang.

"Berdasarkan siasatan, modus operandi penyeludupan dipercayai membawa masuk barangan dari negara jiran melalui Sungai Golok atau pesisir pantai menggunakan sampian atau bot.

"Barangan ini dimuatkan menggunakan kenderaan seperti lori atau kereta untuk diedarkan ke pasaran tempatan atau di luar Kelantan," katanya.

FOTO: ADILA SHARINNI WAHID



Wan Jamal (dua dari kiri) menunjukkan rokok seludup yang dirampas.